

Pilih ayat yang menggunakan **perkataan /frasa yang condong** dengan betul.

1. Pihak berkuasa telah berjaya menyelesaikan beberapa kes pecah rumah dan samun **di** kawasan perumahan itu. ()
2. Rakyat Malaysia sungguh bertuah kerana dapat menikmati **berbagai** jenis juadah pada musim perayaan. ()
3. Kebanyakan pelanggan sangat berpuas hati dengan kelazatan masakan di **Tuminah Restoran**. ()
4. Suasana di kawasan kampung sangat menyenangkan terutamanya **pada** waktu pagi. ()
5. Penonton meminati rancangan televisyen di stesen itu **oleh kerana** stesen itu sering menyiarkan berita-berita secara langsung. ()
6. Pelanggan suka kerana makanan yang dijual di restoran itu **sungguh lazat**. ()
7. Buku-buku di rak itu **disusun** dengan kemas. ()
8. Lelaki tua itu berjalan dengan **gunakan** tongkat. ()
9. Lisa mendapat tempat **ke lima** dalam pertandingan pidato. ()
10. Pengunjung-pengunjung yang datang pada **Pesta Buah-buahan**. ()
11. Saya perlu pergi ke majlis perasmian kedai kakak saya itu **sekarang**. ()
12. Kita mesti **berjumpa** doktor gigi setiap enam bulan. ()
13. **Seluruh** murid mendiamkan diri apabila melihat Pengetua memegang rotan. ()
14. Oleh sebab beliau terlalu sibuk, **bukan** mudah untuk mengundang beliau merasmikan bangunan baharu di sekolah kami. ()
15. Datuk **bersandar** di tepi dinding sambil merenung ke luar jendela. ()
16. **Siapakah** nama pisang yang sudah kuning keemasan tetapi rasanya masih kelat? ()
17. Patrick **naik angin** kerana digelar kaki bangku oleh kawan-kawannya. ()
18. Beberapa orang **kaki tangan** sekolah telah menawarkan diri secara sukarela untuk membantu mangsa banjir di daerah mereka. ()
19. Kakak berdiri di hadapan cermin besar sambil **menggaya** baju kebaya yang baru dibelinya itu. ()
20. Kapal terbang itu akan membuat pendaratan **di atas** landasan dalam masa beberapa minit lagi. ()